

Kuala Lumpur: Permodalan Nasional Berhad (PNB) memperuntukkan lebih RM23 juta bagi membantu meringankan beban rakyat yang terkesan melalui pelbagai sumbangan dan bantuan sokongan untuk Covid-19.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Dr Zeti Aziz berkata, untuk terus membantu usaha pemulihan dan mengurangkan penularan Covid-19, PNB juga menyumbang kepada Rangkaian Tindak Balas Bencana Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) (GDRN).

“Kita perlu berganding bahu membendung penyebaran wabak Covid-19, PNB beriltizam untuk menghulurkan bantuan dengan apa cara sekalipun.

“Kementerian Kesihatan Malaysia dan semua barisan hadapan perubatan memainkan peranan paling kritikal dan PNB berbesar hati dapat memberi sokongan dalam bentuk peralatan perubatan penting dan

PNB salur bantuan sokongan RM23 juta



PNB berbesar hati dapat memberi sokongan dalam bentuk peralatan perubatan penting dan bantuan kewangan”

Dr Zeti

bantuan kewangan,” katanya dalam satu kenyataan.

Menurutnya, bantuan kewangan juga sudah disalur-

kan kepada Pusat Kesiapsiagaan dan Tindak Cepat Krisis (CPRC) untuk meningkatkan tahap kesiapsiagaan pusat itu serta kepada institusi zakat bagi membantu rakyat Malaysia yang terkesan.

Beliau berkata, bagi meringankan beban perniagaan yang terjejas akibat kekangan kewangan sepanjang tempoh ini, PNB akan memberikan pengecualian pembayaran sewa kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) iaitu penyewa di hartanah milik PNB.

Selain daripada sumbangan PNB, syarikat pelaburan PNB termasuk Maybank, Sime Darby Berhad, Sime Darby Plantation, Sime Darby Property, UMW Holdings Berhad, SP Setia, Sapura Energy, Duopharma Biotech Berhad, MIDF Berhad dan lain-lain juga melaksanakan pelbagai inisiatif.



D-19 untuk kehidupan sehari-hari melalui malam.

melalui fasa 1e Cares, penerusan #res-berganding in Bulan Sa-PBSM) bagi bantuan tunai melalui inisiatif ini.

an ini digunakannya di taraf peredaran kritikal PBSM, rkhidmatan ke hospital rawat pesakit di Mah Klang.

sebanyak 1000 bagi keluarga PBSM yang terkesan PBSM dan kerajaan negara,” ka-